

**Untuk Siaran Segera**

## **Tarikan Panasonic di Butik Digital**

*Panasonic Malaysia berbangga untuk memperkenalkan pembukaan terbesar pusat hiburan*

*Panasonic VIERA dan Digital Lumix*

**Kuala Lumpur, 15 Ogos 2009** – Panasonic, satu jenama peneraju yang dikenali dari organisasi seperti Panasonic Malaysia Sdn Bhd, hari ini mengumumkan pembukaan pusat hiburan digital VIERA & Lumix di kedai Best Denki di Mid Valley Megamall. Pusat hiburan digital Panasonic ini meliputi sebanyak 1,600 kaki persegi dalam kedai Best Denki, yang mempunyai saiz sebesar 15,000 kaki persegi didalam *megamall* tersebut.

“Kami telah menjadi rakan kongsi niaga dengan Best Denki selama 10 tahun. Kami ingin mencapai kesedaran yang lebih tinggi antara pengguna pada aliran digital dan fungsi SD LINK yang akan membolehkan persambungan yang lebih besar ke atas semua produk Panasonic, terutamanya VIERA, televisyen definisi tinggi dan Lumix, kamera digital kami,” kata Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Sdn Bhd.

“Kami berharap dapat mengalakan pengguna untuk menggunakan rangkaian produk Panasonic. Kami juga berharap pengguna akan lebih gembira dengan produk yang dibeli, jika mereka lebih arif dalam menggunakan produk itu. Siri bengkel yang menarik adalah dalam perancangan pada tarikh yang terpilih untuk membimbing dan menunjukkan penggunaan produk Panasonic. Bengkel yang menarik adalah seperti demonstrasi pembersih vakum, perkakasan kecil, gelombang mikro (*microwave*), sesi merasa makanan yang dimasak oleh chef dan penyediaan makanan, tambahan juga pengenalan kamera untuk pengguna baru, juga akan dimasukkan.”

“Contoh terbaik adalah seperti fotografi dalam air yang semakin popular antara penyelam. Panasonic sentiasa bekerja dalam meningkatkan inovasi, kualiti, prestasi dan operasi yang mudah. Panasonic telah menjadikan ia realiti dengan mengeluarkan *marine cases* yang bersesuaian dengan kamera Lumix. Kami juga dalam perancangan untuk menjemput pakar bagi mengajar pengguna mengenai teknik-teknik yang betul dan bagaimana untuk mendapatkan keputusan yang terbaik dari mod *point* dan *shoot*. Demonstrasi seperti ini dapat membantu pengguna untuk lebih memahami mengenai ciri-ciri dan faedah produk Panasonic.”

Tony juga menambah, “Kami telah memperkenalkan persekitaran yang cerah dan ceria didalam pusat hiburan digital ini, yang dinamakan sebagai ‘Panasonic Paradise island’ dengan harapan pengguna boleh menguji ciri-ciri kamera Lumix dengan hiasan latar belakang yang menarik. Mereka juga boleh mendapatkan gambar mereka dengan segera.”

Pusat hiburan digital ini juga mempamerkan rangkaian penuh LCD VIERA dan TV plasma. Juga terdapat *home theatre sound room* yang dilengkapi dengan TV plasma 65” inci dan sistem bunyi *True 7.1* yang membolehkan pelanggan menonton filem kegemaran, video, gambar peribadi dan permainan dalam suasana pawagam.

Tony juga menambah iaitu: “Dengan kesemua inisiatif ini, kami berharap pengguna akan merasa keselesaan dan kepuasan untuk membeli di kedai ini dengan perkhidmatan terbaru yang ditawarkan oleh Best Denki dari kelas fotografi untuk pengguna yang membeli produk sehingga tips untuk menggunakan alat digital dalam potensi yang penuh. Kesemua yang kami lakukan adalah untuk memudahkan dan menyediakan platform bagi pengguna untuk menikmati produk yang dibeli dan meningkatkan gaya hidup mereka.”

Sempena dengan pembukaan ini pelanggan Best Denki boleh memiliki hadiah percuma seperti bingkai gambar digital, kad SD, pen Parker, dan baucer wang tunai dengan pembelian produk Panasonic yang tertentu. Dengan pembelian melebihi RM2,999, pelanggan boleh memiliki *sling beg* eksklusif yang bernilai RM189 disamping hadiah percuma yang dinyatakan diatas.

**Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk muat turun gambar dan siaran akhbar, layari [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Perhubungan Media: Azizah Wahid  
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7876 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730  
Emel: [azizah.wahid@my.panasonic.com](mailto:azizah.wahid@my.panasonic.com)

Simone Pan  
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Tel: 03 7809 7874 Faks: 03 7955 1857 Mobil: 012 694 5966  
Emel: [simone.pan@my.panasonic.com](mailto:simone.pan@my.panasonic.com)

Perhubungan Produk: Eric Lee  
Consumer Products Sales Division  
Mass Merchandiser Country Sales  
Tel: 03 7969 2792 Mobil: 012 213 3393  
Emel: [eric.lee@my.panasonic.com](mailto:eric.lee@my.panasonic.com)